



KENYATAAN AKHBAR

MAJLIS SEMBAHYANG FARDHU MAGHRIB BERJEMAAH, SEMBAHYANG SUNAT HAJAT, MEMBACA SURAH YASSIN DAN BERTAHLIL SERTA MEMBACA DOA KESYUKURAN SEMPENA HARI PELADANG, PETANI, PENTERNAK DAN NELAYAN 2018

*Rabu, 22 Safar 1440H bersamaan 31 Oktober 2018
Jame' 'Asr Hassanil Bolkiaah, Kiarong
Negara Brunei Darussalam*

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah mengadakan majlis Sembahyang Fardhu Maghrib Berjemaah, Sembahyang Sunat Hajat, Membaca Surah Yassin dan bertahlil serta Membaca Doa Kesyukuran sempena sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan 2018 pada hari Rabu, 22 Safar 1440H bersamaan 31 Oktober 2018 bertempat di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiaah, Kampong Kiarong.

Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan telah diisytiharkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa baginda meresmikan Ekspo Pertanian dan Agrimakanan 2009 pada 19 November 2009 bertempat di Taman Agroteknologi Brunei, Kampong Tungku.

Dengan pengisytiharan itu, Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan telah disambut pada setiap 1 November setiap tahun bagi mengiktiraf dan mengenang jasa para peladang, petani, penternak dan nelayan dalam peranan mereka selaku penjana makanan bagi Negara ini.

Hadir selaku Tetamu Kehormat pada majlis berkenaan ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Turut sama hadir di majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap dan Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai dan Kakitangan dari Jabatan-Jabatan di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Juga dijemput hadir ialah peladang-peladang, petani-petani, penternak-penternak dan nelayan-nelayan serta pengusaha-pengusaha agrimakanan di seluruh negara.

Aturcara di majlis ini termasuklah Sembahyang Fardhu Maghrib Berjemaah diikuti dengan membaca Surah Yassin, bertahlil dan membaca doa kesyukuran.